



Anwar bersama Ahmad Zahid serta Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail pada perasmian Sidang Kemuncak GHaS 2023 di MITEC, Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

Industri halal negara akan terus diperkasa

Jawatankuasa Kabinet selaras semua kementerian berkait pensijilan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi diberi tanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet bagi memperkasa dan melonjakkan industri halal Malaysia ke peringkat global.

Jawatankuasa Kabinet diketuai Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu, antara lain akan menyelaras semua kementerian serta jabatan berkaitan bagi memperkasa pensijilan halal.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia juga bertujuan melonjakkan lagi industri halal Malaysia ke peringkat global dalam usaha memanfaatkan sepenuhnya kedudukan negara dalam bidang halal yang dipandang tinggi di mata dunia.

"Pensijilan halal, memang kita dapat satu markah yang tinggi, tapi harus diangkat supaya ia bukan sahaja dijadikan contoh dari segi pensijilan, tapi juga kecekapan dan penyelidikan bermutu serta keupayaan memberi kelulusan dalam keadaan yang sangat cepat dan pantas.

"Kedua, dari segi industri. Sebab itu saya katakan sinergi di antara pensijilan dan promosi perdagangan itu penting.

"Setiap langkah diambil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari segi pensijilan mes-

ti selari dengan pengembangan industri, terutama bila dikaitkan dengan luar negara," katanya.

Berucap merasmikan Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2023 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang turut dihadiri Ahmad Zahid, di sini semalam, Anwar berkata, aspek halal bukan sahaja mendapat perhatian masyarakat Islam, tetapi juga negara bukan Islam.

PMKS perlu diberi ruang

Katanya, negara bukan Islam seperti China, Jepun dan Korea Selatan, antara yang memberi perhatian kepada aspek halal, malah isu itu turut ditekankan oleh pemimpin negara berkenaan pada pertemuan dua hala dengan beliau sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, beliau mengesyorkan aspek halal, bukan sahaja dari segi makanan dan minuman, tetapi barangan lain seperti produk farmaseuti-

kal, kosmetik, barang gunaan, khidmat logistik, peranti perubatan dan pengilangan kontrak.

Justeru, katanya, semua itu harus diselaraskan dengan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

"Ia supaya ada pengkhususan dan sinergi dengan industri tempatan. Jika tidak, kita akan terkenal dan luluskan pensijilan (halal), tetapi tidak mengembangkan industri halal negara kita," katanya menambah, penekanan juga perlu diberikan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) negara.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar dalam ucapannya, berkata JAKIM akan melaksanakan beberapa strategi dalam usaha memastikan pensijilan halal Malaysia terus relevan dan cekap menangani cabaran masa depan.